

EMPAT FASA MENDIDIK ANAK MENURUT ISLAM

Oleh: Nurfazlin binti Jamsari, 1171109,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 30 July 2020

“Nak dilenturnya buluh biar dari rebungnya, kelak pasti mereka kan terjaga akhlaknya. Nak dibentukkan tubuh bukan dari bengkungnya, susun atur mereka sebelum kenal dunia.”

Bait-bait lirik dalam lagu *7 Nasihat* yang didendangkan oleh penyanyi nombor satu negara iaitu Dato' Sri Siti Nurhaliza membawa mesej yang sarat dengan nasihat.

Rebung jika dilentur dan dibentuk dengan baik sewaktu ia masih muda, pasti ia akan membesar dengan baik.

Jika sudah tua sehingga menjadi buluh, maka sukarlah untuk dilenturkan kerana sudah keras. Begitulah juga diibaratkan dalam mendidik anak.

Ibu bapa perlu mendidik anak ketika mereka masih bayi, masih baru mengenali dunia. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “Setiap anak yang dilahirkan itu umpama kain putih, ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakkannya, sama ada menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi’.

Rasulullah SAW merupakan ‘qudwah hasanah’ iaitu suri teladan kepada seluruh umat Islam. Bermula daripada sekecil-kecil sehinggalah sebesar-besar perkara, semuanya dititikberatkan oleh baginda.

Baginda mendidik anak dengan membahagikannya kepada empat fasa umur. Pertama, umur anak sejak dari lahir hingga 6 tahun. Pada fasa ini, Rasulullah menuntut kita untuk sentiasa memanjakan anak-anak dengan penuh kasih sayang.

Bertuturlah dengan penuh tertib dan lemah-lembut kepada anak-anak serta memanggil mereka dengan panggilan yang baik. Jika mereka melakukan kesalahan, jangan sesekali merotan mereka walaupun dengan niat mendidik.

Hasilnya, anak-anak akan berasa selamat serta mempercayai kedua ibu bapanya dan sentiasa merasakan bahawa mereka ialah sumber dan contoh terbaik.

Fasa yang kedua adalah ketika anak-anak berumur antara 7 hingga 14 tahun. Pada fasa ini, ibu bapa perlu menerapkan sifat disiplin dan tanggungjawab dalam diri anak-anak.

Mereka perlu diajar tentang kewajiban menunaikan solat fardu dan boleh memukul mereka dengan niat mendidik sekiranya mereka enggan melakukannya.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “Perintahkanlah anak-anak kamu apabila sudah mencapai umur tujuh tahun. Apabila sudah mencapai umur 10 tahun, maka pukullah dia apabila tidak melaksanakannya serta pisahkan tempat tidur mereka.”

Dengan cara ini, sikap bertanggungjawab dan disiplin dalam menunaikan perintah Allah akan mekar dalam diri mereka dan seterusnya menjadi kebiasaan tanpa perlu disuruh.

Seterusnya, fasa remaja ketika anak-anak berumur antara 15 hingga 21 tahun. Dalam fasa ini, anak-anak mula pandai memberontak atau meluahkan emosi mereka.

Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan menjadi ‘sahabat’ mereka dengan sentiasa mendengar luahan hati atau masalah mereka serta berkomunikasi dan berdiplomasi dengan mereka.

Elakkan mengherdik ataupun memarahi anak-anak kerana mereka cenderung mencari rakan sebaya untuk mendapatkan ‘ketenangan’ dengan berhibur di luar tanpa pengawasan ibu bapa.

Fasa yang terakhir adalah apabila anak-anak berumur 21 tahun ke atas. Dalam fasa ini, ibu bapa mula memberikan sepenuh kepercayaan dengan membenarkan anak-anak membuat keputusan sendiri.

Ini tidak bermakna anak-anak tidak perlu lagi mendengar kata-kata ibu bapa, tetapi mereka perlu bertoleransi dengan nasihat dan dorongan yang dititipkan oleh ibu bapa mereka.

Kepelbagaian cara mendidik anak-anak mengikut fasa umur mereka adalah sangat dituntut seperti yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

Anak merupakan amanah yang dikurniakan oleh Allah kepada ibu bapa. Maka curahkanlah sepenuh perhatian terhadap mereka sejak dari kecil hingga dewasa.



